

KOSMO

01 OCT 2020

TARIKH.....

Pembinaan lebuhraya itu di Sabah hanya siap antara 18 hingga 20 peratus

Projek Pan Borneo akan diperinci

Oleh IVAN AMIRUL

KOTA KINABALU – Kementerian Kerja Raya (KKR) Sabah bakal memperincikan perkara berkaitan projek lebuhraya Pan Borneo di negeri ini bagi melihat projek berkenaan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Timbalan Ketua Menteri I yang juga Menteri Kerja Raya Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin berkata, Sabah sudah banyak ketinggalan berhubung projek Pan Borneo berbanding Sarawak.

"Projek sama di Sarawak sudah siap sebanyak 50 peratus, namun Sabah hanya siap antara 18 sehingga 20 peratus sahaja. Hal ini tidak masuk akal kerana projek ini berjalan serentak untuk dua negeri.

"Oleh itu, saya akan perincikan perkara ini bagi memastikan pelaksanaan projek Pan Borneo berjalan lancar supaya rakyat

mampu menikmati kemudahan jalan raya terbaik," katanya.

Beliau ketika demikian pada sidang akhbar di bangunan Kementerian Infrastruktur Jabatan Kerja Raya negeri.

Semalam, Bung Moktar mulakan tugas sebagai Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerja Raya Sabah.

Sementara itu, bercakap berkaitan perkembangan terkini Covid-19 di Sabah, beliau menyatakan Kementerian Kesihatan ada mencadangkan supaya bandar Kota Kinabalu dikenakan perintah berkurung.

"Namun, segala keputusan terpulang kepada kelulusan pihak Kerajaan Persekutuan.

"Jika keadaan terkawal, saya rasa ia tidak dilaksanakan tetapi sekiranya situasi semakin teruk, kita tiada pilihan lain kerana nyawa rakyat menjadi keutamaan kerajaan," katanya.



BUNG MOKTAR ketika ditemui di pejabatnya di Kota Kinabalu semalam selepas memulakan tugas sebagai Timbalan Ketua Menteri I merangkap Menteri Kerja Raya Sabah.